

ANALISIS KESELAMATAN PERSEKITARAAN PERUMAHAN DI KAWASAN KEDIAMAN GONG BADAK, KUALA TERENGGANU

DURGASRI S. KANNAN DAN ZIKRI MUHAMMAD*

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

*Corresponding author: zikri@umt.edu.my

<https://doi.org/10.46754/umtjur.v7i2.731>

Submitted: 7 July 2025

Revised: 31 July 2025

Accepted: 31 July 2025

Published: 15 October 2025

Abstrak: Artikel ini menyoroti tahap keselamatan persekitaran di kawasan perumahan Gong Badak, Kuala Terengganu, yang semakin membimbangkan berikutan peningkatan kes jenayah harta benda, termasuk pecah rumah, kecurian kenderaan dan kehilangan barang peribadi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes, dengan data diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama lapan informan utama yang terdiri daripada penduduk, ketua komuniti serta wakil pihak berkuasa tempatan. Analisis tematik dijalankan untuk mengenal pasti isu keselamatan yang dominan serta menilai keberkesanan langkah-langkah kawalan yang telah dilaksanakan di kawasan kajian. Dapatan kajian menekankan tiga faktor utama yang menyumbang kepada kebimbangan keselamatan dalam kalangan penduduk, iaitu kekurangan sistem pengawasan berkesan, rendahnya kesedaran dan penglibatan komuniti dalam aktiviti keselamatan kejuruan, serta keadaan fizikal persekitaran yang tidak terjaga, seperti longkang tersumbat, kawasan semak samun dan lampu jalan rosak. Berdasarkan dapatan tersebut, kajian mencadangkan beberapa strategi holistik berasaskan prinsip Reka Bentuk Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (CPTED), termasuk penambahbaikan infrastruktur fizikal, penggunaan teknologi pemantauan moden, serta pengaktifan semula inisiatif komuniti seperti Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela. Kesemua usaha ini diharap menjadi asas penting dalam perancangan keselamatan kejuruan yang lebih mampan, sistematik dan berkesan, sekali gus meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti perumahan di kawasan yang sedang pesat membangun.

Kata kunci: Keselamatan persekitaran, penglibatan komuniti, reka bentuk pencegahan jenayah (CPTED), jenayah harta benda, kawasan perumahan.

ANALYSIS OF RESIDENTIAL ENVIRONMENTAL SAFETY IN THE HOUSING AREA OF GONG BADAK, KUALA TERENGGANU

Abstract: This article highlights the challenges related to environmental safety in the residential area of Gong Badak, Kuala Terengganu, which is increasingly concerning due to the rise in property crimes such as house break-ins, vehicle theft, and the loss of personal belongings. This study adopts a qualitative case study approach, with data obtained through semi-structured interviews involving eight key informants consisting of residents, community leaders, and representatives from local authorities. Thematic analysis was used to identify dominant safety issues and to assess the effectiveness of control measures implemented in the study area. The findings highlight three main factors contributing to residents' safety concerns: the lack of effective surveillance systems, low community awareness and participation in neighbourhood safety activities, and deteriorating physical environmental conditions such as clogged drains, overgrown areas, and broken streetlights. The study proposes several holistic strategies based on the principles of Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED), including improvements in physical infrastructure, the use of modern surveillance technology, and the reactivation of community initiatives such as Rukun Tetangga (Neighbourhood Watch) and the Voluntary Patrol Scheme. This study is expected to serve as a critical foundation for more sustainable, systematic, and effective neighbourhood safety planning to enhance the well-being of residents in this rapidly developing area.

Keywords: Environmental safety, community involvement, crime prevention through environmental design (CPTED), property crime, residential area.

Pengenalan

Jenayah merupakan fenomena sosial yang memberi kesan besar terhadap aspek kewangan, psikologi dan sosial masyarakat, khususnya apabila melibatkan kehilangan harta benda, kecederaan fizikal dan kematian (Botrić, 2021; Ahmad *et al.*, 2024). Dalam konteks kawasan perumahan, jenayah seperti pecah rumah, kecurian, rompakan dan vandalisme

boleh menjejaskan tahap keselamatan serta kesejahteraan komuniti secara menyeluruh (Norita *et al.*, 2022). Statistik jenayah harta benda di Malaysia menunjukkan trend peningkatan membimbangkan, khususnya dalam kategori pecah rumah dan kecurian, yang mencatatkan peningkatan daripada 10,585 kes pada 2022 kepada 11,557 kes pada 2023, (Statistik Jenayah Malaysia, 2024).

Jenis Jenayah	2022	2023	Peratus perubahan (%)
Jenayah kekerasan	10,348	10,453	1.0
Bunuh	240	258	7.5
Rogol ^a	1,712	1,914	11.8
Samun ^b	4,589	4,588	-0.0
Mencederakan	3,807	3,693	-3.0
Jenayah harta benda	40,465	41,991	3.8
Pecah rumah & curi	10,585	11,557	9.2
Kecurian kenderaan	14,446	14,597	1.0
Kecurian lain	15,434	15,837	2.6
Jumlah	50,813	52,444	3.2

Rajah 1: Jenayah Indeks mengikut jenis jenayah, Malaysia (2022 & 2023)

Sumber: Polis Diraja Malaysia

Di negeri Terengganu, isu keselamatan perumahan semakin mendapat perhatian ekoran pembangunan pesat di beberapa kawasan separa bandar, termasuk Gong Badak. Peningkatan jumlah penduduk, pembinaan projek perumahan baharu, serta kepadatan institusi pendidikan dan

fasiliti awam menjadikan kawasan tersebut berisiko tinggi terhadap jenayah harta benda. Kes pecah rumah dilaporkan berlaku secara terancang, terutamanya semasa musim perayaan, sekali gus menimbulkan kebimbangan penduduk terhadap tahap keselamatan persekitaran mereka.

Kontinjen	Nisbah (per 100,000 penduduk)	
	2022	2023
Malaysia	146	149
Johor	111	131
Kedah	200	193
Kelantan	108	96
Melaka	132	146
Negeri Sembilan	151	159
Pahang	105	103
Perak	123	134
Perlis	149	124
Pulau Pinang	188	193
Sabah ^a	96	95
Sarawak	130	134
Selangor	188	196
Terengganu	110	100
W.P. Kuala Lumpur ^a	241	221

Rajah 2: Nisbah Jenayah Indeks mengikut kontinjen, Malaysia (2022 & 2023)

Sumber: Polis Diraja Malaysia

Menurut statistik jenayah indeks yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, nisbah jenayah di Terengganu pada tahun 2023 ialah sebanyak 109 kes bagi setiap 100,000 penduduk, sedikit menurun berbanding 110 kes pada tahun 2022. Walaupun penurunan ini kecil, keadaan ini tidak semestinya mencerminkan pengurangan kebimbangan awam, memandangkan masih banyak kejadian yang tidak dilaporkan serta wujud persepsi bahawa kawasan kediaman tidak selamat sepenuhnya. Oleh itu, pemahaman mendalam terhadap faktor penyumbang serta persepsi keselamatan komuniti adalah amat diperlukan.

Gong Badak dipilih sebagai lokasi kajian kerana kawasan ini mencerminkan cabaran keselamatan yang lazim dihadapi oleh kawasan separa bandar yang sedang membangun. Selain menempatkan pelbagai institusi penting termasuk institusi pengajian tinggi, kem tentera, dan kompleks sukan, kawasan ini juga menunjukkan pola pertumbuhan penduduk yang pesat serta peningkatan aduan mengenai keselamatan kediaman, berdasarkan laporan tempatan dan maklum balas komuniti. Kombinasi faktor ini menjadikan Gong Badak

sebagai kawasan relevan dan signifikan untuk dijadikan fokus kajian.

Walaupun beberapa langkah pencegahan telah dilaksanakan seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), rondaan pihak berkuasa, dan penglibatan komuniti dalam kawalan keselamatan kejuruan, keberkesanannya masih belum dapat dipastikan sepenuhnya. Oleh itu, kajian ini bertujuan menilai persepsi penduduk terhadap tahap keselamatan fizikal persekitaran, mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kebimbangan terhadap jenayah, serta menilai keberkesanan strategi kawalan keselamatan yang telah dilaksanakan. Dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan strategi keselamatan komuniti yang lebih sistematik, mampan dan berkesan, selaras dengan aspirasi mewujudkan kesejahteraan bandar inklusif.

Sorotan Literatur

Konsep keselamatan dalam konteks perumahan merujuk kepada keadaan bebas daripada ancaman fizikal, mental dan emosi yang boleh menjejaskan kesejahteraan penduduk (Sarker *et al.*, 2020). Konsep ini merangkumi aspek

perlindungan daripada jenayah, bencana serta gangguan sosial lain. Tahap keselamatan tidak hanya bergantung pada kehadiran pihak berkuasa, malah turut dipengaruhi oleh faktor reka bentuk persekitaran, pengawasan komuniti dan tahap kepercayaan sosial dalam kalangan penduduk (Abd Rahim *et al.*, 2022). Oleh itu, keselamatan yang tinggi bukan sahaja mencerminkan ketiadaan jenayah, bahkan melibatkan kewujudan rasa aman dan yakin dalam kalangan komuniti terhadap kawalan persekitaran mereka.

Kajian ini meneliti pelbagai bentuk jenayah yang berlaku di kawasan perumahan, antaranya pecah rumah, vandalisme, kecurian harta benda dan ragut, yang sering dikaitkan dengan faktor sosioekonomi, fizikal serta psikologi. Kajian lepas menunjukkan jenayah pecah rumah lebih kerap berlaku di kawasan berpendapatan rendah yang mempunyai sistem keselamatan lemah, selain turut dipengaruhi oleh persepsi terhadap jenayah dan ciri personaliti pelaku seperti tahap kawalan sendiri yang rendah (van Sintemaartensdijk *et al.*, 2022; Bankiewicz & Papadouka, 2024).

Vandalisme sering dikaitkan dengan kawasan yang mempunyai tahap pengawasan sosial yang rendah serta kurangnya rasa kepemilikan dan kepercayaan sosial dalam kalangan penduduk, khususnya di kawasan berpendapatan rendah (Wilsem, 2004; Joanne, 2015). Kajian juga menunjukkan bahawa kecurian harta benda seperti motosikal dan kenderaan lebih kerap berlaku di kawasan bandar yang padat serta tidak dipantau. Hal ini menekankan keperluan kepada reka bentuk persekitaran yang selamat dan penggunaan teknologi seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk mengenal pasti zon panas jenayah (Norita *et al.*, 2022; Nyanggai & Eboy, 2023).


Sementara itu, jenayah ragut cenderung berlaku secara spontan serta tertumpu di kawasan kawasan tumpuan jenayah yang mempunyai pencahayaan lemah dan kawalan keselamatan terhad (Herrmann, 2015; Chow & Mawby, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa faktor persekitaran fizikal berperanan penting dalam mencetuskan atau mencegah jenayah.

Sebagai asas teori, pendekatan *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) yang diperkenalkan oleh C. Ray Jeffery pada tahun 1971 digunakan untuk menilai pencegahan jenayah melalui reka bentuk fizikal persekitaraan. Teori ini kemudian diperkembangkan secara praktikal oleh Oscar Newman melalui konsep *Defensible Space* pada tahun 1972. Konsep tersebut memberi penekanan kepada elemen fizikal dalam mengurangkan risiko jenayah (International CPTED Association, 2024). Prinsip utama CPTED, iaitu kawalan akses, pengawasan semula jadi, pengukuhan wilayah dan penyelenggaraan, telah terbukti berkesan dalam pelbagai konteks global (Casteel & Peek-Asa, 2000; Cozens & Love, 2015).

Namun, di Malaysia, penerapan prinsip CPTED masih menghadapi kekangan dalam pelaksanaan, khususnya berkaitan aspek reka bentuk perbandaran yang kurang selamat serta kurang penglibatan komuniti dalam inisiatif keselamatan tempatan (Shahrur, 2013). Hal ini menunjukkan keperluan penilaian terhadap keberkesanan pelaksanaan CPTED dalam konteks tempatan, terutamanya di kawasan yang sedang membangun seperti Gong Badak.

Sejajar dengan itu, kajian ini mengemukakan kerangka konseptual yang menjelaskan hubungan antara faktor penyumbang kepada jenayah, ancaman yang berlaku, serta keberkesanan langkah keselamatan yang dilaksanakan. Dalam rajah ini, keberkesanan langkah keselamatan berfungsi sebagai pemboleh ubah moderator yang mempengaruhi kekuatan hubungan antara faktor penyumbang dan ancaman keselamatan seperti pecah rumah, kecurian, dan vandalisme.

Melalui pendekatan ini, kajian dapat menilai sama ada langkah keselamatan yang dilaksanakan, termasuk pelaksanaan prinsip CPTED, berupaya mengurangkan kesan faktor risiko terhadap insiden jenayah. Justeru, kerangka ini memberikan kefahaman yang lebih menyeluruh tentang peranan intervensi keselamatan dalam konteks kawasan perumahan separa bandar seperti Gong Badak, Kuala Terengganu.




Rajah 2: Kerangka konseptual yang menunjukkan hubungan antara faktor penyumbang jenayah, ancaman keselamatan, dan peranan keberkesanan langkah keselamatan sebagai pemboleh ubah moderator

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk menilai tahap keselamatan persekitaran di kawasan perumahan Gong Badak, Kuala Terengganu. Reka bentuk kajian kes membolehkan penyelidik meneliti isu keselamatan dalam konteks sebenar secara mendalam dan menyeluruh (Yin, 2014), manakala pendekatan kualitatif memberikan pemahaman lebih terperinci terhadap pengalaman serta persepsi komuniti setempat

berkaitan cabaran keselamatan (Creswell, 2018). Teknik persampelan bertujuan digunakan untuk memilih lapan orang informan yang terdiri daripada lima penduduk tetap, seorang ketua komuniti, dan dua wakil pihak berkuasa tempatan. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kriteria seperti latar belakang sosioekonomi, tempoh menetap, dan tahap penglibatan dalam komuniti agar dapat mewakili pelbagai perspektif berkaitan keselamatan persekitaran.



Rajah 3: Kawasan perumahan Gong Badak

Temu bual separa berstruktur digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data. Soalan temu bual dibina berdasarkan objektif kajian, sorotan literatur terdahulu serta prinsip

teori CPTED, yang meliputi aspek persepsi keselamatan, faktor penyumbang jenayah, pelaksanaan langkah keselamatan dan tahap keberkesanannya. Kaedah ini membolehkan

penyelidik memperoleh data secara sistematik, di samping memberi peluang kepada informan untuk berkongsi pandangan dan pengalaman mereka secara lebih fleksibel (Stake, 1995; Palinkas *et al.*, 2015).

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik melalui proses transkripsi verbatim, pengkodan dan pengkategorian bagi mengenal pasti tema utama berkaitan keselamatan perumahan. Untuk memastikan kesahan serta kebolehpercayaan dapatan, kaedah triangulasi digunakan dengan membuat perbandingan maklumat daripada pelbagai kategori informan. Selain itu, pemeriksaan silang dan semakan rakan penyelidik turut dilakukan untuk menjamin ketepatan interpretasi data. Gabungan pendekatan ini menyumbang kepada penemuan yang lebih sahih, menyeluruh dan berpandukan realiti komuniti tempatan (Denzin, 1978; Miles & Huberman, 1994; Patton, 2002).

Dapatan Kajian

Analisis data dalam kajian ini dilaksanakan secara sistematik untuk memastikan interpretasi yang mendalam serta bermakna. Berdasarkan pendekatan Wan Mohd Khairul Firdaus (2015), data dianalisis melalui proses pengenalanpastian tema utama dan pengaitan dapatan dengan objektif kajian. Temu bual diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu input (tahap keselamatan persekitaran), output (faktor penyumbang kepada ancaman keselamatan) dan *outcome* (keberkesanan langkah keselamatan). Klasifikasi ini memberikan gambaran menyeluruh tentang isu keselamatan di kawasan perumahan Gong Badak. *Input*, *output* dan *outcome* digunakan untuk menyusun dapatan temu bual secara sistematik agar selari dengan objektif kajian. Input merujuk kepada tahap keselamatan semasa di Gong Badak yang dialami penduduk, *output* menilai faktor penyumbang kepada ancaman keselamatan manakala *outcome* menilai keberkesanan langkah keselamatan. Struktur ini membolehkan saya menjawab ketiga-tiga objektif kajian dengan lebih teratur dan menyeluruh, selaras dengan kerangka konseptual yang dibina.

Tahap Keselamatan Persekitaraan Perumahan di Gong Badak, Kuala Terengganu

Tahap keselamatan di kawasan perumahan Gong Badak dikenal pasti membimbangkan berdasarkan temu bual dengan lapan informan. Dua isu utama dikenal pasti melibatkan kes pecah rumah serta kehilangan harta benda. Situasi ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk terhadap keselamatan persekitaran mereka.

Kes Pecah Rumah

Penduduk menyuarakan kebimbangan terhadap jenayah pecah rumah, terutama ketika mereka tiada di rumah. Kes sering berlaku ketika cuti panjang serta di kawasan sunyi.

“Jenayah yang paling ditakuti ialah pecah rumah, terutama apabila penghuni tiada di rumah atau balik kampung. Kebimbangan ini makin bertambah bila ada kes jiran terdekat kena pecah rumah semasa mereka bercuti” (Penduduk 3)

“Secara umum, kawasan ni agak tenang. Tapi dalam beberapa tahun kebelakangan ni, ada juga kes-kes pecah rumah terutama bila musim cuti panjang”. (Penduduk 1)

“...tahap keselamatan di kawasan perumahan Gong Badak adalah terkawal, namun terdapat beberapa insiden jenayah harta benda seperti pecah rumah yang semakin membimbangkan, terutamanya semasa musim perayaan dan ketika penduduk bercuti meninggalkan rumah. Ini menunjukkan ada kelemahan dari segi kawalan keselamatan, terutamanya di kawasan perumahan baharu yang belum mempunyai sistem keselamatan yang lengkap”. (Pegawai Rondaan Komuniti)

Kebimbangan semakin meningkat apabila kejadian berlaku di kawasan berhampiran, sekali gus menimbulkan rasa tidak selamat dalam kalangan komuniti. Walaupun kawasan perumahan kelihatan tenang, insiden jenayah yang berulang, khususnya di kawasan baharu yang belum dilengkapi sistem pemantauan, menunjukkan kelemahan aspek pencegahan jenayah. Dapatan ini disokong oleh kajian

Mohd Ismail *et al.* (2020) yang menjelaskan bahawa kejadian pecah rumah lebih berisiko berlaku di kawasan kediaman yang mempunyai pencahayaan lemah, rondaan keselamatan kurang, serta tidak memiliki pengawasan kejiranan aktif. Selain itu, menurut Abdullah dan Razak (2018), persepsi keselamatan penduduk dipengaruhi secara langsung oleh pengalaman peribadi dan kejadian jenayah di sekitar mereka. Oleh itu, langkah sistematik serta penyelarasan antara pihak berkuasa dengan komuniti amat diperlukan bagi mengurangkan risiko dan meningkatkan keyakinan keselamatan penduduk.

Kehilangan harta benda

Isu kehilangan harta benda seperti motosikal, basikal dan barang di luar rumah menjadi kebimbangan utama penduduk di Gong Badak. Kejadian ini lazimnya berlaku apabila barangan ditinggalkan tanpa pengawasan, terutama di kawasan yang tidak berpagar atau tanpa pemantauan keselamatan. Keadaan tersebut menjejaskan rasa selamat dalam kalangan komuniti setempat serta memperlihatkan kelemahan pada sistem pengawasan fizikal dan struktur kejiranan yang berkesan.

“Ya, berdasarkan maklumat dari jiran-jiran dan kumpulan WhatsApp taman, memang ada beberapa kejadian seperti curi motosikal, pecah kereta dan kecurian barang-barang di luar rumah seperti kasut dan basikal. Walaupun bukan berlaku setiap minggu, tapi ia tetap mengganggu ketenteraman penduduk”. (Penduduk 3)

“Ada juga kes kecurian motosikal dekat kawasan parkir. Jadi, saya rasa tahap keselamatan tu sederhana...bukan terlalu bahaya tapi juga bukan sepenuhnya selamat”. (Penduduk 1)

Perbincangan ini menunjukkan bahawa kehilangan harta benda memberi kesan langsung terhadap persepsi keselamatan penduduk walaupun kadar kejadian tidak tinggi. Komunikasi melalui medium seperti kumpulan WhatsApp taman menjadi sumber maklumat utama tentang kejadian jenayah, namun platform ini tidak dapat menggantikan sistem

pemantauan fizikal yang lebih efisien. Selain itu, kawasan parkir serta bahagian luar rumah sering tidak dipantau secara langsung sehingga menjadi sasaran mudah bagi jenayah kecil.

Dapatan ini disokong oleh kajian Hashim *et al.* (2020) yang menyatakan bahawa jenayah harta benda sering berlaku di kawasan kediaman dengan perancangan yang lemah, rondaan keselamatan yang kurang, serta ketiadaan pemantauan kejiranan yang aktif. Tambahan pula, menurut Abdullah dan Razak (2018), persepsi keselamatan penduduk dipengaruhi secara langsung oleh pengalaman serta berita kejadian jenayah di kawasan sekitar mereka. Kajian tersebut turut menegaskan bahawa kelemahan dalam pengurusan kawasan awam seperti tempat letak kenderaan meningkatkan risiko dan menambah keperluan keselamatan dalam kalangan penduduk.

Faktor-faktor Utama yang Menyumbang kepada Ancaman Keselamatan di Kawasan Perumahan Gong Badak, Kuala Terengganu

Keselamatan kawasan perumahan dipengaruhi oleh sistem pengawasan, peranan penduduk dan keadaan fizikal persekitaran. Hasil temu bual menunjukkan terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada ancaman keselamatan, iaitu kekurangan sistem pengawasan, tahap kesedaran penduduk yang rendah serta persekitaran fizikal yang tidak terjaga. Ketiga-tiga faktor tersebut saling berkait dan seterusnya meningkatkan risiko jenayah serta menimbulkan rasa tidak selamat.

Kekurangan Sistem Pengawasan

Ketiadaan sistem pengawasan yang berkesan seperti rondaan keselamatan, pencahayaan mencukupi, kamera litar tertutup (CCTV) dan kawalan keluar masuk yang sistematik menjadi antara faktor utama penyumbang kepada berlakunya jenayah di kawasan perumahan Gong Badak. Kekurangan pemantauan ini membuka ruang kepada pencerobohan, kehilangan harta serta meningkatkan ketakutan dalam kalangan penduduk, khususnya pada waktu malam atau ketika rumah ditinggalkan. Selain itu, reka bentuk perumahan yang tidak menyokong aspek keselamatan turut memburukkan keadaan.

“Saya rasa salah satu faktor utamanya ialah pencahayaan jalan. Ada lampu jalan yang rosak tapi tak dibaiki lama. Kawasan gelap ni memang mudah jadi tempat jenayah. Selain tu, ketiadaan rondaan polis atau RELA juga menyumbang – orang luar senang masuk tanpa pengawasan. Tambah pula, kawasan ni ada rumah sewa pelajar dan pekerja asing, kadang-kadang ada gangguan juga”. (Penduduk 1)

“Selain tu, rumah pun jenis teres panjang dan belakang rumah bersambung. Senang je orang nak panjat pagar kalau ada niat jahat”. (Penduduk 2)

“Faktor utama ialah kekurangan rondaan keselamatan, pencahayaan yang tidak mencukupi dan tiada sistem kawalan keluar masuk yang ketat. Kadang-kadang kita nampak orang luar yang tidak dikenali berjalan atau merayau di kawasan perumahan. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak selesa dan curiga dalam kalangan penduduk. ...Kawasan ini juga mempunyai banyak lorong kecil dan jalan belakang rumah yang tersembunyi, menjadikannya lokasi strategik untuk penjenayah bergerak tanpa disedari”. (Penduduk 3)

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa kelemahan sistem pengawasan kawasan perumahan memberi kesan langsung terhadap tahap keselamatan komuniti. Ketiadaan rondaan serta sistem pemantauan menyebabkan kawasan kediaman mudah diakses oleh individu luar tanpa pengawasan. Keadaan ini diperkuat oleh faktor seperti reka bentuk rumah teres yang memudahkan pencerobohan dan kewujudan laluan kecil yang menjadi “blind spot” kepada penjenayah.

Sorotan literatur turut menyokong dapatan ini. Menurut Norazian *et al.* (2020), kelemahan pencahayaan serta ketiadaan rondaan keselamatan meningkatkan risiko jenayah di kawasan perumahan berpenduduk padat. Kajian Ibrahim dan Yahya (2018) pula menunjukkan bahawa pemasangan CCTV dan pembentukan pasukan rondaan komuniti dapat mengurangkan ketakutan terhadap jenayah serta memperkukuh keyakinan penduduk terhadap keselamatan

persekitaran. Tambahan lagi, Zainal Abidin *et al.* (2019) menyatakan bahawa reka bentuk perumahan yang tidak mengambil kira aspek keselamatan seperti pagar rendah, rumah bersambung tanpa penghadang, dan ketiadaan kawalan keluar masuk berpotensi menjadi sasaran jenayah harta benda.

Kekurangan Kesedaran dan Penglibatan Penduduk Terhadap Aspek Keselamatan Persekitaran

Tahap kesedaran penduduk terhadap keselamatan kawasan kediaman sangat penting dalam usaha membentuk komuniti yang selamat. Namun, hasil kajian menunjukkan sebahagian besar penduduk di Gong Badak masih bersikap pasif serta terlalu bergantung kepada pihak berkuasa seperti polis dan pihak pengurusan tanpa berusaha mengambil inisiatif sendiri. Kelemahan tersebut merangkumi kecuaian dalam pencegahan jenayah di rumah, pengabaian aspek keselamatan asas serta kurang penglibatan dalam sistem kejiwaan seperti rondaan atau Rukun Tetangga.

“Mungkin ada juga. Kadang ada pelajar sendiri yang cuai, macam tak kunci pintu atau tinggal rumah tanpa tutup tingkap. Itu boleh jadi peluang untuk pencuri”. (Penduduk 2)

“Ada persatuan penduduk yang agak aktif, tetapi keahlian masih terhad. Rukun Tetangga pula pernah ditubuhkan tetapi tidak aktif. Jika diberi sokongan dari pihak majlis dan polis, saya percaya Rukun Tetangga boleh menjadi barisan hadapan dalam menjaga keselamatan komuniti” (Penduduk 6)

“Sesetengah penduduk tidak begitu prihatin dengan keselamatan, contohnya tidak mengunci pintu dengan betul atau meninggalkan rumah dalam keadaan terdedah tanpa makluman kepada jiran”. (Seorang Polis)

Daripada ketiga-tiga pernyataan informan, jelas bahawa sikap sambil lewa serta kurangnya kesedaran tentang keselamatan masih wujud dalam kalangan penduduk, khususnya penyewa dan pelajar. Tindakan seperti tidak mengunci pintu atau meninggalkan rumah tanpa

memaklumkan kepada jiran memberi peluang kepada pencerobohan. Selain itu, organisasi komuniti seperti Rukun Tetangga sukar berfungsi dengan berkesan kerana kadar penyertaan yang rendah dan kekurangan sokongan daripada pihak berkuasa tempatan.

Dapatan ini sejajar dengan pandangan Razak (2018) yang menekankan bahawa keselamatan keijiranan tidak hanya bergantung kepada infrastruktur, tetapi turut dipengaruhi oleh tahap kesedaran serta penyertaan aktif penduduk dalam usaha mencegah jenayah. Kajian Yahya dan Ghani (2017) pula menunjukkan bahawa keijiranan yang mempunyai komunikasi yang baik serta kolaborasi melalui persatuan penduduk atau rondaan sukarela lebih cenderung mencatat kadar jenayah yang rendah.

Malah, Noraini *et al.* (2020) menegaskan bahawa keberkesanan sistem keselamatan komuniti bergantung kepada sokongan bersama antara masyarakat setempat dengan agensi penguat kuasa. Apabila semangat keijiranan semakin lemah, penduduk lebih terdedah kepada risiko jenayah serta kehilangan harta benda. Oleh itu, penting untuk memperkasakan semula struktur keselamatan komuniti seperti Rukun Tetangga, melaksanakan program kesedaran berkaitan pencegahan jenayah, dan membina budaya saling mempercayai serta bertanggungjawab dalam kalangan jiran tetangga supaya keselamatan kawasan perumahan dapat dipertingkatkan secara menyeluruh dan berdaya tahan.

Keadaan Fizikal Persekitaraan Yang Terabai

Keadaan fizikal persekitaran memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi keselamatan dalam komuniti perumahan. Persekitaran yang tidak terurus seperti longkang tersumbat, lampu jalan rosak, semak samun dan sampah yang dibuang merata bukan sahaja merosakkan pemandangan, malah membuka peluang kepada penjenayah untuk melakukan aktiviti jenayah tanpa disedari. Kawasan yang gelap dan sunyi, khususnya di lorong belakang rumah atau di tepi padang, sering menjadi lokasi berisiko tinggi berlakunya pencerobohan serta jenayah harta benda.

“Isu longkang terbuka, semak samun tidak dibersihkan juga menyumbang kepada kawasan yang boleh menjadi tempat persembunyian bagi penjenayah”. (Pihak Berkuasa Tempatan)

“Ada kawasan yang bersih, terutama taman yang dekat dengan surau sebab ada gotong-royong. Tapi ada juga kawasan belakang rumah yang jadi tempat buang sampah haram. Longkang pun kadang tersumbat, bila hujan mudah banjir kilat. Bila tempat macam ni tak dijaga, memang nampak tak selamat”. (Penduduk 6)

Daripada kedua-dua pernyataan ini, jelas bahawa kelemahan penyelenggaraan infrastruktur fizikal seperti semak tidak dibersihkan, longkang terbuka serta kawasan pembuangan sampah haram menjejaskan keselamatan komuniti. Dapatan ini disokong oleh kajian Mohd Nazri *et al.* (2020) yang menunjukkan bahawa kawasan perumahan tidak terurus dan gelap meningkatkan kebarangkalian jenayah berlaku kerana memberi peluang kepada penjenayah bersembunyi dan melarikan diri tanpa pengawasan. Kajian Sidek dan Jamil (2019) pula menegaskan bahawa tahap pencahayaan awam yang rendah serta penyelenggaraan kawasan tidak sistematik mempengaruhi tahap ketakutan penduduk terhadap jenayah, sekali gus menjejaskan kesejahteraan psikologi komuniti.

Selain itu, penyelenggaraan yang tidak seragam dalam satu kawasan perumahan menimbulkan jurang antara kawasan yang terjaga dengan kawasan yang terabai. Seperti yang dinyatakan oleh informan, taman perumahan berhampiran surau lebih teratur kerana adanya penglibatan komuniti dalam aktiviti gotong-royong. Hal ini menunjukkan bahawa keterlibatan masyarakat setempat memainkan peranan penting dalam mengekalkan kebersihan dan keselamatan persekitaran. Menurut Tahir *et al.* (2021), aspek penjagaan fizikal yang baik mencerminkan tahap kesedaran keselamatan komuniti dan secara langsung mengurangkan kadar jenayah. Apabila kawasan dijaga dengan baik, suasana yang terhasil tidak kondusif untuk jenayah berlaku, berbeza dengan kawasan gelap

serta terbiar yang dianggap “selamat” untuk penjenayah bertindak.

Kesimpulannya, keadaan fizikal yang terabai bukan sahaja menjejaskan imej kawasan perumahan, malah mendorong kepada peningkatan risiko jenayah. Usaha pembaikan infrastruktur seperti pencahayaan, sistem saliran dan pengurusan sisa perlu diselaraskan dengan aktiviti komuniti supaya kawasan sentiasa kekal bersih, terang dan selamat. Peranan pihak berkuasa tempatan juga sangat penting untuk memastikan penyelenggaraan dilakukan secara berkala, manakala penduduk pula perlu lebih prihatin serta terlibat dalam menjaga kebersihan dan keselamatan bersama.

Keberkesanan Langkah-langkah Keselamatan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Penduduk Setempat

Keberkesanan intervensi keselamatan bergantung pada pelaksanaan yang konsisten, penyertaan aktif semua pihak berkepentingan serta perancangan jangka panjang yang inklusif. Di kawasan perumahan Gong Badak, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan bersama komuniti setempat untuk mengatasi cabaran keselamatan. Antara usaha tersebut ialah rondaan keselamatan, kempen kesedaran, penggunaan teknologi seperti CCTV dan penglibatan dalam program komuniti. Walau bagaimanapun, hasil daripada langkah-langkah ini berbeza mengikut lokaliti dan tahap penglibatan penduduk.

“Pihak kami telah meningkatkan rondaan berkala terutamanya pada waktu malam dan musim perayaan... Secara umumnya, langkah-langkah ini ada kesan positif, tetapi masih belum mencapai tahap yang kita harapkan”. (Seorang polis)

“Ada, memang ada. Antaranya cadangan nak buat pagar dan pondok pengawal kat pintu masuk taman. Tapi kos dia tinggi, jadi tak semua setuju... Penduduk juga harap pemaju kawasan baru ambil kira faktor keselamatan dari awal”. (Ketua Komuniti)

“Setakat pemerhatian saya, rondaan sangat jarang dilakukan... Mungkin kerana

kekangan bajet atau kekurangan tenaga kerja. Namun begitu, saya harap mereka boleh lebih proaktif”. (Penduduk 5)

“Program komuniti sangat berkesan dalam merapatkan hubungan sesama jiran... selepas aktiviti gotong-royong atau jamuan hari raya diadakan, semangat berjiran lebih kukuh”. (Penduduk 6)

Daripada keempat-empat pandangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan langkah keselamatan memberikan impak yang sederhana. Rondaan berkala, cadangan penambahan infrastruktur keselamatan serta aktiviti komuniti telah membantu mengukuhkan asas keselamatan kawasan. Namun begitu, kekangan utama seperti kekurangan bajet, liputan rondaan yang tidak menyeluruh dan komitmen penduduk yang tidak seimbang telah menjejaskan tahap keberkesanan secara keseluruhan.

Kajian oleh Hashim dan Ismail (2021) menegaskan bahawa kejayaan inisiatif keselamatan komuniti memerlukan pendekatan pelbagai pihak (*multi-agency approach*) serta komitmen berterusan daripada masyarakat. Dalam kes Gong Badak, usaha seperti Skim Rondaan Sukarela dan kerjasama antara polis serta MBKT sudah menunjukkan hasil, namun aspek penyelenggaraan dan konsistensi rondaan masih perlu diperkukuh.

Sementara itu, sorotan oleh Aziz *et al.* (2020) menunjukkan bahawa program komuniti yang dilaksanakan secara kerap seperti gotong-royong dan aktiviti keagamaan mampu meningkatkan rasa tanggungjawab bersama serta menjadikan pemantauan kejiranan lebih efektif secara tidak formal. Dapatan daripada penduduk 6 turut menyokong hal tersebut dengan melihat peningkatan hubungan sosial sebagai pemangkin kepada keselamatan kejiranan.

Namun begitu, pendapat penduduk 5 menunjukkan realiti di lapangan bahawa masih wujud kekurangan dari aspek operasi keselamatan formal seperti kawalan keselamatan tetap dan kehadiran polis secara konsisten. Hal ini membuktikan perlunya penambahbaikan

struktur penyeliaan serta penyaluran bajet oleh pihak berkuasa, selain pengaktifan kembali peranan organisasi seperti Rukun Tetangga.

Walaupun beberapa langkah keselamatan telah dilaksanakan dengan impak positif, langkah tersebut masih belum cukup menyeluruh untuk menangani cabaran keselamatan di Gong Badak. Kunci kepada peningkatan keberkesanan bergantung pada gabungan aspek fizikal (infrastruktur dan rondaan), sosial (penglibatan komuniti), serta strategi jangka panjang yang disokong oleh kewangan dan dasar pihak berkuasa. Sehubungan itu, sinergi bersepadu perlu digerakkan supaya kawasan perumahan menjadi lebih selamat, terurus dan harmoni.

Kajian mendapati tahap keselamatan kawasan perumahan Gong Badak masih rendah. Faktor utama termasuk kekurangan sistem pengawasan, pencahayaan yang tidak mencukupi, sikap penduduk yang kurang peka terhadap keselamatan serta keadaan fizikal persekitaran yang terabai. Langkah keselamatan yang dilaksanakan belum menyeluruh dan memerlukan kerjasama lebih aktif antara pihak berkuasa dengan komuniti bagi meningkatkan keselamatan kejiwaan.

Dalam konteks kajian ini, prinsip CPTED dapat menyediakan kerangka praktikal untuk memperkukuh strategi keselamatan perumahan di Gong Badak. Kawalan akses boleh dipertingkat melalui pemasangan pagar keselamatan serta pondok kawalan di pintu masuk taman seperti yang dicadangkan oleh ketua komuniti. Pengawasan semula jadi dapat ditingkatkan dengan penggunaan pencahayaan awam yang lebih baik serta reka bentuk landskap yang tidak menghalang pandangan. Pengukuhan wilayah boleh dilakukan dengan memperjelas sempadan komuniti melalui papan tanda, lorong khas dan simbol ruang komuniti yang berfungsi menanam rasa kepemilikan bersama dalam kalangan penduduk. Selain itu, penyelenggaraan berterusan perlu diberi perhatian supaya kawasan tidak kelihatan terabai, kerana persekitaran yang tidak dijaga boleh memberikan isyarat bahawa jenayah berpotensi berlaku tanpa dikesan. Gabungan prinsip ini, apabila dilaksanakan

secara bersepadu bersama komuniti dan pihak berkuasa, berupaya mewujudkan persekitaran fizikal yang lebih selamat serta mengurangkan peluang berlakunya jenayah.

Implikasi kepada Pembuat Dasar

Kajian ini mengenal pasti bahawa tahap keselamatan kawasan kediaman berada pada tahap membimbangkan, khususnya akibat peningkatan kes jenayah seperti pecah rumah dan kehilangan harta benda. Faktor utama yang dikesan termasuk kekurangan sistem pengawasan, tahap kesedaran masyarakat yang rendah terhadap jenayah, serta keadaan fizikal persekitaran yang terabai. Penemuan ini membawa implikasi penting kepada pembuat dasar dalam usaha memperkukuh keselamatan komuniti secara menyeluruh.

Sehubungan itu, beberapa cadangan dikemukakan kepada semua pihak terutama pembuat dasar untuk menangani isu keselamatan secara berkesan. Pertama, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disarankan menggubal polisi keselamatan komuniti yang lebih komprehensif, termasuk penyediaan dana bagi pemasangan sistem pengawasan seperti CCTV, pencahayaan awam yang mencukupi serta sistem kawalan akses di kawasan kediaman. Pihak PBT juga perlu menyediakan garis panduan yang jelas untuk setiap permohonan pembinaan kawasan kediaman pada masa akan datang. Langkah ini bertujuan meningkatkan tahap keselamatan penduduk. Selain itu, semua pihak terutama polis dan agensi terlibat perlu bekerjasama dengan penduduk untuk menangani isu keselamatan di kawasan kediaman.

Seterusnya, cadangan kedua ialah penambahbaikan infrastruktur fizikal yang perlu diberi keutamaan, khususnya aspek penyelenggaraan kemudahan awam seperti pagar, jalan dan kawasan lapang yang berpotensi menjadi lokasi jenayah. Langkah ini merupakan pencegahan terhadap ruang berlakunya perbuatan jenayah pada masa akan datang. PBT perlu menyediakan kemudahan tersebut bagi setiap kawasan sedia ada serta projek perumahan baharu yang akan dibangunkan.

Manakala cadangan ketiga ialah pembuat dasar perlu melaksanakan program pendidikan serta kesedaran keselamatan yang berterusan kepada masyarakat. Program ini boleh dijalankan melalui kempen komuniti, bengkel keselamatan dan kolaborasi dengan pihak berkuasa seperti polis serta agensi keselamatan. Tujuannya adalah untuk memupuk kesedaran tentang tanggungjawab bersama dalam mencegah jenayah. Aktiviti ini bukan hanya terhad kepada sekolah atau institusi pengajian, tetapi juga perlu dilaksanakan dengan lebih kerap dalam kawasan perumahan.

Akhir sekali, kajian ini mencadangkan agar pembuat dasar menetapkan sistem penilaian serta pemantauan secara berkala terhadap tahap keselamatan kawasan kediaman. Langkah tersebut bertujuan menilai keberkesanan dasar yang digubal dan mengenal pasti keperluan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Secara keseluruhan, cadangan dasar ini diharapkan dapat menjadi panduan pihak berwajib dalam membentuk persekitaran kediaman yang lebih selamat dan sejahtera.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati tahap keselamatan kawasan perumahan di Gong Badak masih berada pada tahap membimbangkan. Dua isu utama dikenal pasti, iaitu kejadian pecah rumah dan kehilangan harta benda yang sering berlaku secara terancang, khususnya pada waktu malam serta musim perayaan. Tiga faktor utama menyumbang kepada keadaan ini, iaitu kekurangan sistem pengawasan seperti rondaan dan CCTV, kurangnya kesedaran serta penglibatan penduduk, dan keadaan fizikal persekitaran yang tidak diselenggara dengan baik. Situasi ini menjejaskan rasa selamat dalam kalangan penduduk dan menunjukkan keperluan kepada langkah penambahbaikan yang menyeluruh serta bersepadu.

Beberapa cadangan dikemukakan berdasarkan dapatan kajian. Penambahbaikan pencahayaan jalan serta penyelenggaraan infrastruktur asas seperti sistem saliran dan pembersihan kawasan semak perlu

diberi keutamaan kerana langkah ini dapat mengurangkan peluang jenayah secara fizikal. Kajian terdahulu turut menyokong keberkesanan pencahayaan dan pengawasan visual terhadap pengurangan jenayah harta benda (Welsh & Farrington, 2008). Selain itu, penggunaan teknologi keselamatan seperti CCTV dan sistem kawalan akses wajar diperluas bagi memperkukuh aspek pemantauan keselamatan (Ratcliffe *et al.*, 2009). Pendekatan reka bentuk berasaskan prinsip CPTED juga wajar diterapkan dalam perancangan dan pembinaan kawasan perumahan supaya keselamatan dipertimbangkan sejak awal (Cozens & Love, 2015).

Penglibatan komuniti merupakan aspek penting yang perlu diperkasa. Inisiatif seperti Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela wajar diaktifkan semula dengan sokongan pihak berkuasa tempatan. Kajian menunjukkan pengawasan komuniti berupaya menurunkan kadar jenayah serta meningkatkan rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan penduduk (Bennett *et al.*, 2008). Program kesedaran dan aktiviti kejiranan pula dapat memperkukuh hubungan sosial serta mewujudkan pemantauan tidak formal yang berkesan (Aziz *et al.*, 2020). Oleh itu, sinergi antara aspek fizikal, sosial dan institusi menjadi kunci dalam membentuk kawasan perumahan yang lebih selamat, harmoni dan lestari.

Dari sudut implikasi, kajian ini memberi sumbangan penting kepada pembuat dasar, pihak berkuasa tempatan dan pemaaju perumahan dalam merancang strategi keselamatan kejiranan yang lebih berfokus kepada komuniti. Kajian ini turut menekankan keperluan integrasi elemen keselamatan dalam reka bentuk fizikal serta pembangunan kawasan perumahan. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan seperti saiz sampel yang kecil dan penggunaan pendekatan kualitatif semata-mata yang mungkin tidak mewakili keseluruhan populasi. Oleh itu, kajian pada masa hadapan dicadangkan menggunakan pendekatan campuran (*mixed methods*) serta melibatkan kawasan kajian yang lebih luas

termasuk kawasan bandar dan luar bandar untuk membolehkan perbandingan menyeluruh. Kajian jangka panjang juga disarankan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan prinsip CPTED dalam konteks tempatan secara berterusan.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Zikri Muhammad selaku penyelia penyelidikan atas sokongan berterusan, tunjuk ajar yang benar serta dorongan sepanjang proses kajian dijalankan. Penghargaan turut ditujukan kepada semua informan daripada MBKT dan penduduk kawasan Gong Badak, Kuala Terengganu yang sudi meluangkan masa serta memberikan kerjasama sepanjang kerja lapangan berlangsung. Penyelidikan ini merupakan sebahagian daripada syarat bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) di Universiti Malaysia Terengganu.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan penyelidikan ini dijalankan tanpa sebarang kepentingan peribadi, komersial atau kewangan yang boleh menimbulkan konflik kepentingan. Penulis juga menyatakan tiada sebarang pertentangan kepentingan dengan mana-mana pihak.

Rujukan

- Abd Rahim, N., Hassan, M. S., & Nor, M. H. M. (2022). Pengaruh reka bentuk persekitaran terhadap persepsi keselamatan penghuni perumahan kos rendah di Lembah Klang. *Jurnal Rekabentuk dan Alam Bina*, 15(1), 45-59.
- Abdullah, A. A., & Razak, M. R. A. (2018). Persepsi penduduk terhadap keselamatan kejiranan: Kajian di kawasan perumahan Klang. *Jurnal Sains Sosial*, 4(2), 27-36.
- Ahmad, R., Kamaruddin, S. H., & Mohd Noor, S. N. F. (2024). Keselamatan kejiranan dan pengaruhnya terhadap kesejahteraan komuniti bandar. *Malaysian Journal of Social Science*, 19(1), 73-88.
- Aziz, N. A., Rahim, N. A., & Hassan, M. S. (2020). Peranan program komuniti dalam meningkatkan keselamatan kejiranan: Kajian kes di kawasan perumahan bandar. *Jurnal Pengurusan Awam*, 7(1), 55-67.
- Bankiewicz, U., & Papadouka, M. E. (2023). Factors influencing burglary and home security measures in England and Wales. *European Journal of Criminology*, 21(2). <https://doi.org/10.1177/14773708231182777> (Original work published 2024)
- Bennett, T., Holloway, K., & Farrington, D. (2008). The effectiveness of neighborhood watch. *Campbell Systematic Reviews*, 4(1), 1-46. <https://doi.org/10.4073/csr.2008.18>
- Botrić, V. (2021). The economic cost of crime: A comprehensive review. *Journal of Applied Economic Research*, 15(3), 212-228.
- Casteel, C., & Peek-Asa, C. (2000). Effectiveness of crime prevention through environmental design (CPTED) in reducing robberies. *American Journal of Preventive Medicine*, 18(4), 99-115.
- Chow, M., & Mawby, R. (2020). Snatch thefts and urban vulnerabilities: A spatial perspective. *Asian Criminology*, 15(1), 57-74.
- Cozens, P., & Love, T. (2015). A review and current status of crime prevention through environmental design (CPTED). *Journal of Planning Literature*, 30(4), 393-412. <https://doi.org/10.1177/0885412215595440>
- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Denzin, N. K. (2017). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315134543>
- Hashim, N. A., & Ismail, S. (2021). Kejayaan inisiatif keselamatan komuniti menerusi pendekatan pelbagai agensi. *Jurnal Pengurusan Keselamatan*, 4(1), 31-47.

- Hashim, N. M., Yusof, N. A., & Ahmad, R. (2020). Faktor penentu jenayah harta benda di kawasan perumahan bandar. *Jurnal Sains Sosial*, 12(3), 88-103.
- Herrmann, C. R. (2015). The dynamics of robbery and violence hot spots. *Crime Science*, 4(1). <https://doi.org/10.1186/s40163-015-0042-5>
- Ibrahim, N., & Yahya, N. (2018). Keselamatan persekitaran dan kesejahteraan komuniti: Kajian kes kawasan perumahan kos rendah di Kuala Lumpur. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(2), 78-90.
- International CPTED Association. (2024). *What is CPTED?* <https://www.cpted.net>
- Jabatan Perangkaan Malaysia Department of Statistics Malaysia. (n.d.). https://storage.dosm.gov.my/crime/crime_2023.pdf
- Joanne, R. (2015). The social dynamics of vandalism in low-income housing. *Urban Studies Journal*, 52(7), 1135-1150.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Mohd Ismail, N., Rahman, S., & Kamal, A. A. (2020). Peranan pencerhayaan dan rondaan keselamatan dalam mencegah jenayah pecah rumah di kawasan perumahan. *Jurnal Alam Bina*, 22(4), 39-51.
- Mohd Nazri, S., Ibrahim, R., & Salleh, F. (2020). Keselamatan persekitaran dan peranan reka bentuk bandar di kawasan perumahan. *Jurnal Perbandaran dan Pembangunan*, 9(1), 63-74.
- Noraini, H., Yusof, M. A., & Salleh, N. A. (2020). Tahap penglibatan komuniti dalam menjaga keselamatan kawasan kejiranan. *Jurnal Masyarakat dan Keselamatan*, 6(2), 90-104.
- Norazian, M. H., Zulkifli, R., & Hamzah, A. (2020). Penerapan keselamatan fizikal dalam perancangan perumahan bandar. *Jurnal Perancangan Bandar dan Desa*, 8(2), 110-122.
- Norita, J., Mohd Sofian, Redzuan, Azizul, A., Mohamad Suhaidi, Salleh, & Tarmiji, M. (2022). Tren jenayah harta benda di malaysia: Kajian di Selangor dan Kuala Lumpur. Property crime trends in malaysia : A study in Selangor and Kuala lumpur - UNIMAS institutional repository. Unimas.my. <https://ir.unimas.my/id/eprint/44708/>
- Nyanggai, T. A., & Eboy, O. V. (2023). Analisis hubungan spatial jenayah kecurian kenderaan dan faktor pendorong: Satu kajian literatur. *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*, 11, 78-89. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jkob/article/view/4595>
- Palinkas, L., Horwitz, S., Green, C., Wisdom, J., Duan, N., & Hoagwood, K. (2015). Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research. *Administration and Policy in Mental Health and Mental Health Services Research*, 42(5), 533-544. PubMed Central. <https://pmc.ncbi.nlm.nih.gov/articles/PMC4012002/>
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Ratcliffe, J. H., Taniguchi, T., & Taylor, R. B. (2009). The crime reduction effects of public CCTV cameras: A multi-method spatial approach. *Justice Quarterly*, 26(4), 746-770. <https://doi.org/10.1080/07418820802427805>
- Sarker, M. H., Mahmud, K. T., & Rahman, M. (2020). The meaning of residential safety and its relationship with social trust. *International Journal of Community Well-being*, 3(2), 143-158.
- Shahrum, M. Y. (2013). Penerapan prinsip CPTED dalam reka bentuk kawasan perumahan di Malaysia: Satu penilaian kritikal. *Jurnal Alam dan Reka Bentuk*, 6(1), 24-35.
- Sidek, N. S., & Jamil, N. R. (2019). Tahap ketakutan terhadap jenayah dalam kalangan

- penduduk di kawasan perumahan bandar. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(2), 53-65.
- Stake, R. E. (1995). *The art of case study research*. SAGE Publications.
- Tahir, R. M., Nor, M. H. M., & Yusof, M. A. (2021). Pengaruh penjagaan persekitaran fizikal terhadap tahap keselamatan kejiranan. *Jurnal Komuniti dan Pembangunan*, 9(1), 77-89.
- Van Sintemaartensdijk, I., Van Prooijen, J., Nee, C., Otte, M., & Van Lange, P. (2022). Personality and burglary: A virtual reality study. *Personality and Individual Differences*, 196, 111712. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2022.111712>
- Welsh, B. C., & Farrington, D. P. (2008). Effects of improved street lighting on crime. *Campbell Systematic Reviews*, 4(1), 1-51. <https://doi.org/10.4073/csr.2008.13>
- Wilsem, J. V. (2004). Vandalism and the role of social cohesion in urban neighborhoods. *Urban Affairs Review*, 39(3), 323-343.
- Yin, R. K. (2014). *Case study research: Design and methods* (5th ed.). SAGE Publications.